

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : TEOLOGI ISLAM****KOD KURSUS : MIF1013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (03 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*)

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak

OKT2023/C/MIF1013

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN*Pilih jawapan yang **TEPAT*****1. (1 point)**

Perbincangan zat Ilahi ialah perbincangan yang berkisar kepada _____.

- A. Kenabian Rasulullah SAW
- B. Ketuhanan Allah SWT
- C. Zat makhluk
- D. Sejarah kenabian

2. (1 point)

Mengesakan sifat Allah SWT termasuk dalam perbuatan yang dikenali sebagai _____.

- A. Fasik
- B. Tauhid
- C. Mulhid
- D. Syirik

3. (1 point)Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai zat Allah SWT.

- i. Zat Allah SWT terdiri daripada susunan jirim
- ii. Zat Allah SWT ialah jauhar
- iii. Allah SWT bukanlah menumpang kepada zat lain
- iv. Allah SWT tidak berhajat kepada penciptaNya

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

4. (1 point)Pernyataan berikut merupakan gambaran terhadap makna iman **KECUALI** _____.

- A. Pertuturan dengan lidah.
- B. Pengakuan dengan hati.
- C. Pelaksanaan dengan perbuatan.
- D. Pemerhatian dengan mata kepala.

5. (1 point)

Bentuk hubungan yang paling mulia antara hamba dan Penciptanya ialah iman kerana _____.

- A. manusia bukan makhluk yang paling mulia
- B. hati merupakan perkara paling mulia dalam diri manusia
- C. Dia benci kembali kepada kekufuran
- D. ia adalah pertuturan lisan sahaja

6. (1 point)

Pilih pernyataan yang **TEPAT** mengenai faktor seseorang dapat merasai kemanisan iman

- A. Dia mengasihi saudaranya kerana Allah SWT
- B. Dia hanya mengasihi Allah SWT sahaja
- C. Dia benci kembali kepada kekufuran tidak sepertimana dia benci jika dicampakkan ke dalam api neraka
- D. Dia hanya menuturkannya dengan lidah

7. (1 point)

Pernyataan berikut adalah **BENAR** mengenai sifat yang terhasil apabila seseorang mempunyai keyakinan yang kukuh bahawa Allah SWT adalah pemberi rezeki, **KECUALI** _____.

- A. baik hati
- B. bakhil
- C. pemurah
- D. tawadhuk

8. (1 point)

Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai hasil keimanan yang benar di dalam seseorang.

- i. Jiwa akan merasa tenang dan teguh
- ii. Mendapat kebahagiaan dunia sahaja
- iii. Memundurkan diri
- iv. Menggadai maruah diri

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

9. (1 point)

Berdasarkan kepada al-Quran, sifat-sifat berikut ialah sifat yang akan terserlah dalam diri orang yang beriman **KECUALI** _____.

- A. sifat mengasihi Allah SWT
- B. sifat belas kasihan terhadap orang Islam
- C. sifat berjuang bersungguh-sungguh di jalan Allah SWT
- D. sifat berlemah lembut terhadap orang kafir

10. (1 point)

Orang yang beriman akan mendapat kurniaan yang baik daripada Allah SWT seperti berikut **KECUALI** _____.

- i. mendapat bantuan untuk melakukan maksiat
- ii. menyelamatkannya daripada tergelincir ke jalan yang salah
- iii. mendapat pemeliharaan daripada segala kejahatan
- iv. kekurangan fizikal

- A. i dan iii
- B. i dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

11. (1 point)

Beriman kepada segala ketentuan Allah SWT merupakan sebab kepada manusia untuk _____.

- A. mengetahui rahsia dan zat Allah SWT
- B. sentiasa beribadat kepada Allah SWT
- C. hormat menghormati di antara satu sama lain
- D. sentiasa berharap dan berserah kepada Allah SWT

12. (1 point)

Umat Islam dibenarkan bertaklid dalam hal-hal berikut **KECUALI** _____.

- A. akidah.
- B. muamalat.
- C. munakahat.
- D. fiqh

13. (1 point)

Qada dan Qadar ialah perkhabaran bahawa Allah Ta'ala mengetahui setiap tindak tanduk makhluk-Nya sejak azali lagi.

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1 di atas, maksud Qada dan Qadar adalah mengikut pandangan _____.

- A. Al-Khatabi.
- B. An-Nawawi
- C. Syafie
- D. Imam Malik

14. (1 point)

Apakah perkara yang diperintah oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada manusia?

- A. Allah SWT adalah pemilik sebenar segala pemerintahan.
- B. Allah SWT adalah pencipta.
- C. Allah SWT adalah berkehendak.
- D. Allah SWT memutuskan manusia melakukan apa yang telah ditetapkan melalui Qada' dan QadarNya.

15. (1 point)

Apakah maksud perkataan Qadar?

- A. Kata nama setiap perkara yang ditakdirkan berlaku oleh manusia.
- B. Kata nama setiap perkara yang ditentukan berlaku oleh manusia.
- C. Kata nama setiap perkara yang ditakdirkan berlaku oleh Allah SWT.
- D. Kata nama setiap amalan yang ditentukan berlaku oleh Allah SWT.

16. (1 point)

Allah SWT mentadbir alam ini dengan _____.

- A. kebijaksanaan dan kehendakNya
- B. keadilan dan kebijaksanaanNya
- C. kebijaksanaan dan kesenanganNya
- D. keadilan dan kebebasanNya

17. (1 point)

Beriman dengan Qadar adalah sebahagian daripada _____.

- A. aqidah palsu
- B. aqidah yang terpesong
- C. aqidah Islam
- D. aqidah Allah SWT

18. (1 point)

Apakah yang dimaksudkan dengan *at-Tawakul*?

- A. Berjaya.
- B. Bertawakkal.
- C. Benar.
- D. Berusaha.

19. (1 point)

Antara berikut manakah yang **SALAH** cara melakukan taubat nasuha?

- A. Beramal dengan amalan soleh .
- B. Memperbaharui imannya kepada Allah SWT.
- C. Mendapat hidayat yang menjadikan hatinya tenang.
- D. Memperbaharui amalannya kerana makhluk.

20. (1 point)

Antara berikut manakah yang **TIDAK BENAR** mengenai tanda-tanda kekuasaan Allah SWT?

- A. Pertukaran siang dan malam.
- B. Menghidupkan yang hidup dan mematikan yang mati.
- C. Semua urusan milik Allah SWT.
- D. Melimpahkan rezeki

BAHAGIAN B: SOALAN STRUKTUR

Jawab semua soalan.

1. (20 points)

- a) Bincangkan **DUA (2)** hujah alam semesta menjadi dalil kepada kewujudan Allah SWT (4 points)
- b) Huraikan **SATU (1)** teori kemungkinan penciptaan alam. (2 points)
- c) Bincangkan **DUA (2)** sebab mengapa manusia tidak mampu mengenal zat Allah SWT (4 points)
- d) Huraikan **TIGA (3)** sifat orang yang beriman mengikut al-Quran. (6 points)
- e) Bincangkan **DUA (2)** kesan yang baik terhadap orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT (4 points)

2. (10 points)

- a) Terangkan **DUA (2)** hasil keimanan menghidupkan roh jihad. (4 points)
- b) Jelaskan **TIGA (3)** jenis perhubungan yang lahir daripada keimanan. (6 points)

3. (10 points)

- a) Jelaskan maksud **DUA (2)** perkataan berikut :
 - i. *Masyiatullah* (2 points)
 - ii. *Masyiatul 'ibad* (2 points)
- b) Terangkan **TIGA (3)** hikmah mempercayai Qadar. (6 points)

KERTAS SOALAN TAMAT